

Rapatkan jurang ICT

KPKK lancar pelbagai program dalam usaha menyatukan rakyat di seluruh negara


>>Oleh Muhd Izwan Baharin

izwan@fmetro.com.my

DUNIA ketika ini dianggap kecil dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terutama Internet sehinggakan pelbagai bentuk maklumat boleh dicapai sesiapa saja tanpa sebarang sempadan.

Di sudut kebaikan, ia menjadi pencetus kepada masyarakat bermaklumat selain memudahkan urusan harian yang hanya boleh dilakukan menerusi telefon bimbit tetapi pada masa sama ia juga membuka ruang kepada pihak tidak bertanggungjawab dan mempunyai kepentingan untuk menyebarkan dakyah serta fitnah sehingga menanam perasaan kurang senang di kalangan rakyat berbilang kaum.

Sehubungan itu, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) memikul tanggungjawab berat menyebarkan maklumat membentuk kesatuan fikiran dan



MESRA...Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak bersama kanak-kanak melayari Internet di Pusat Jalur Lebar Komuniti sambil diperhatikan Rais (kiri).

rapatkan jurang digital antara komuniti bandar dan luar bandar menerusi sambungan jalur lebar tanpa wayar supaya rakyat boleh menikmati manfaat positif daripada kemajuan teknologi komunikasi.

Kampung Wifi dilancarkan di RH Guntol, Bekiok, Merurun, Julau, Kampung Gita, Kampung Bahagia Jaya (kesemua di Sarawak), Pagoh di Johor, Pulau Banggi di Sabah dan Kampung Teriang di Jelebu, Negeri Sembilan.

Antara program dan aktiviti lain yang dilaksanakan KPKK sepanjang 2010 dalam sektor kebudayaan ialah: Program Merakyatkan Seni iaitu Program Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni, Kempen Bahasa Kebangsaan, Persembahan Teater dan Muzikal, Sambutan Hari Seniman, Temasya Pantai Timur, Kempen Mari Membaca 1Malaysia, Festival Kuala Lumpur, pameran di Muzium Negara dan Balai Seni Lukis Negara, Promosi Kraf, Majlis Rumah Terbuka Malaysia untuk enam per-

secara langsung dalam sambutan Hari Kemerdekaan ke-53 selain melancarkan Program Sahabat 1Malaysia iaitu program usaha sama antara kementerian dan MRe-wards International Sdn Bhd.

Menerusi program itu, rakyat digalakkan berdaftar sebagai ahli Sahabat 1Malaysia untuk menunjukkan sokongan terhadap gagasan 1Malaysia. Mereka juga layak menikmati ganjaran dalam bentuk wang tunai setiap kali berbelanja di kedai, restoran atau syarikat tertentu yang menyertai Program Sahabat 1Malaysia termasuk dijemput menghadiri acara anjuran kementerian.

Sasaran kementerian ialah mendapat seramai dua juta ahli Sahabat 1Malaysia pada hujung 2011 dan sehingga 9 Disember lalu, seramai 106,729 orang sudah berdaftar sebagai ahli.

Mengenai 2011 pula, Rais berkata, program sedia ada akan diteruskan dan diper-

aspirasi rakyat bagi membina negara menuju Wawasan 2020 di saat budaya politik negatif parti politik yang mengeksploitasi media baru untuk merebut kuasa.

KPKK menerusi 18 agensi di bawahnya dilihat berjaya mengharungi cabaran dan rantau yang merintang perjalanan 2010 di dalam tiga bidang iaitu penerangan, komunikasi dan kebudayaan.

Antaranya ialah penerimaan rakyat terhadap Gagasan 1Malaysia yang bertujuan menjadi wadah terbaik perpaduan rakyat, malah kaji selidik pihak bebas dan kerajaan mendapati slogan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan semakin diyakini rakyat.

la bukan slogan politik tetapi pemacu jentera kerajaan bersifat inklusif dan komited merealisasikan program transformasi kerajaan serta ekonomi bagi mencapai Wawasan 2020 sekali gus menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi.

Kejayaan itu meningkatkan usaha KPKK menerusi Menteri, Datuk Seri Rais Yatim yang akan mempergiatkan program penghayatan 1Malaysia pada 2011.

Secara keseluruhan, KPKK mencatat pencapaian membanggakan apabila hampir semua 12 KPI (Petunjuk Prestasi Utama) Kementerian itu dalam empat Bidang Keber-

hasilan Utama Negara (NKRA) merangkumi tiga sektor berkenaan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan melangkaui sasaran.

Program penghayatan 1Malaysia menduduki tempat teratas senarai KPI kementerian berkenaan yang menjadi penggerak utama program itu.

Berdasarkan kaji selidik kementerian itu membabitkan lebih 15,000 responden, sehingga Julai 2010, pemahaman rakyat terhadap gagasan 1Malaysia meningkat kepada 84 peratus berbanding sasaran 75 peratus.

Penerimaan rakyat terhadap gagasan diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak selepas mengambil alih teraju pentadbiran negara pada April 2009, enam bulan kemudian mencapai 72 peratus berbanding sasaran 50 peratus.

Sehingga Oktober 2009 juga, tahap kesedaran rakyat mencapai 82 peratus berbanding sasaran 70 peratus dan tahap kefahaman mencapai 69 peratus berbanding sasaran 50 peratus.

Rais berkata, kejayaan itu adalah hasil pelaksanaan program dan aktiviti meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan Gagasan 1Malaysia di kalangan rakyat oleh jabatan dan agensi KPKK.

Antaraya ceramah oleh pegawai Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) dalam pelbagai bahasa di seluruh negara; penerbitan dan pagedaran buku kecil dan risalah 1Malaysia; program televisyen dan radio, Pameran 1Malaysia, rencana di akhbar dan majalah serta menerusi laman sesawang dan blog.

Turut digembleng saluran seperti Pentarama (Pentas bergerak Jabatan Penerangan) dan persembahan kebudayaan dan pementasan, contohnya Muzikal KITA yang dipentaskan di Istana Budaya yang diilhamkan Perdana Menteri daripada konsep sebenar 1Malaysia.

Mesej yang disampaikan dalam muzikal ini ialah seluruh rakyat Malaysia pelbagai kaum hidup dengan aman harmoni dan menerima konsep 'unity in diversity'.

Satu lagi KPI penting yang dicapai kementerian ialah bidang komunikasi dengan peningkatan kadar penembusan internet jalur lebar sehingga pertengahan Disember 2010 mencapai 55 peratus berbanding sasaran 50 peratus.

Kementerian juga mencatat peningkatan liputan telefon selular di kawasan penduduk berkepadatan tinggi.

Mengenai program atau aktiviti kementerian yang memberi kesan besar kepada rakyat, Rais berkata, antaranya

pelancaran Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI).

Program itu dilancarkan Perdana Menteri pada 24 Mac 2010 termasuk Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Perdana Menteri mengumumkan empat inisiatif dalam NBI untuk mentransformasi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara maju menerusi beberapa langkah iaitu;

- Pelaksanaan Pusat Jalur Lebar Komuniti ke rumah akan menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada 615,000 isi rumah di 246 lokasi membabitkan peruntukan RM60 juta.

- Penubuhan Pusat Internet Rakyat di 138 premis Jabatan Penerangan di seluruh negara yang memberikan liputan jalur lebar kepada 400,000 pengguna.

- E-kiosk yang akan disediakan di pusat kemasyarakatan dan pejabat mukim di 1,105 mukim di seluruh negara membabitkan peruntukan RM40 juta.

- Liputan selular awam di 873 menara baru telekomunikasi yang akan dibina di seluruh negara termasuk 278 di Sabah dan 257 di Sarawak.

- Pengagihan komputer riba 1Malaysia kepada pelajar sekolah dan Kampung Wifi.

Mengulas lanjut mengenai Kampung Wifi, Rais berkata, ia adalah usaha kerajaan me-

hun Baru Cina, Deepavali, Gawai, Tadau Kaamatan dan Krismas), Persembahan Permata Seni - Jiwa Merdeka 2010, Titian Budaya Brunei-Malaysia serta Jubli Emas Bunga Raya Sebagai Bunga Kebangsaan.

Bagi Sektor Komunikasi pula ialah Program Promosi dan Kesedaran Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) - Kembara Jalur Lebar, Karnival Jalur Lebar dan Kampung Wifi, Program Digital Daerah (Pekan dan Pagoh) dan Pengagihan komputer riba 1Malaysia.

Kementerian juga terbabit

gantikan antaranya, 1Malaysia, Program Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni, Kempen Bahasa Kebangsaan, Program Merayakan Seni, Program Mari Membaca, Kempen Promosi dan Kesedaran Jalur Lebar, pengagihan komputer riba 1Malaysia, Kampung Wifi, Majlis Rumah Terbuka Malaysia berkonsepkan perjumpaan pemimpin negara bersama rakyat, persembahan teater dan muzikal di Istana Budaya, promosi industri kreatif dan pameran di Muzium Negara dan Balai Seni Lukis Negara.



IKTIRAF...Rais menyampaikan sijil Posmen Komuniti kepada Rupiah Ghafur pada program Komputer 1Malaysia di Dewan Terbuka Karakit, Kudat, Sabah.